

13/01/2000

Perjuangan asal Umno perlu dikekalkan

PERMINTAAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pemimpin dan ahli Umno kembali kepada perjuangan asal memartabatkan agama, bangsa dan negara sebagaimana termaktub dalam perlembagaan parti, perlu diberi perhatian yang paling serius. Ini bukanlah kali pertama Presiden Umno itu memberi nasihat supaya ahli Umno menoleh ke belakang. Malangnya sebelum ini ahli Umno tidak begitu mengambil berat terhadap teguran itu kerana mereka terlalu yakin dengan sokongan padu orang Melayu terhadap Umno. Kemosrotan sokongan orang Melayu terhadap Umno dan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum lalu, tidak boleh dipandang ringan.

Dr Mahathir mempunyai alasan untuk berasa bimbang terhadap arah aliran yang wujud kebelakangan ini yang mana pemimpin dan ahli parti lebih mementingkan diri sendiri. Bagi golongan ini parti bukan lagi wadah perjuangan tulen. Mereka lebih mementingkan habuan yang boleh mereka perolehi menerusi perjuangan dalam parti. Perubahan masa dan tuntutan zaman bukan alasan kepada mereka yang terbabit untuk menukar haluan perjuangan Umno. Malah, cabaran akibat perubahan masa sepatutnya menguatkan lagi azam perjuangan untuk memperkukuhkan Umno.

Sejak ditubuhkan pada 1946, tidak boleh dinafikan bahawa Umno berjaya meningkatkan martabat agama, bangsa dan negara sehinggalah apa yang dapat dilihat hari ini. Sebut apa saja bidang kemajuan, Malaysia tidak pernah ketinggalan. Selepas kemerdekaan yang dipelopori oleh Umno menerusi gabungan parti Perikatan, asas memperjuangkan hak dan nasib bangsa tidak pernah berganjak. Sudah ramai orang Melayu yang berjaya dan menjadi jutawan, sudah ramai di kalangan rakyat negara ini yang menempa nama di peringkat dunia berikutan kejayaan sistem pendidikan yang dirangka Umno dan kemajuan ekonomi negara mendapat pengiktirafan dunia. Namun, keghairahan untuk mencari kekayaan yang dilakukan oleh sesetengah pemimpin dan ahli Umno hari ini, dilihat sebagai satu kecacatan. Mereka berebut tempat dan mencari peluang untuk memakmurkan diri sendiri. Pada Umno, golongan ini tidak perlu dibiarkan tersasar lebih jauh. Mereka seharusnya kembali kepada perjuangan Umno yang asal. Umno berasal daripada sebuah parti yang bertungkus-lumus dan digerakkan oleh ahli yang sanggup berjalan jauh demi menegakkan perjuangan. Mereka tidak pernah memikirkan kedudukan dalam parti. Hari ini, ahli Umno terlalu dimanjakan hinggalah mereka tidak mahu lagi bekerja keras meskipun ketika keadaan getir menghadapi musuh politik. Tanpa nampak habuan yang boleh diperolehi, mereka begitu sukar untuk bekerja untuk parti.

Hakikatnya, tanggungjawab mereka adalah besar kerana rakyat begitu memerlukan pembelaan daripada Umno. Di negara ini tidak ada parti lain yang boleh menandingi kemampuan Umno untuk menerajui negara. Umno bukan saja memberi peluang kepada rakyat hidup aman dan damai, tetapi juga mampu meningkatkan pendapatan rakyat keseluruhannya. Adalah tidak salah mencari kekayaan tetapi mereka tidak boleh menggunakan landasan Umno semata-mata. Umno bukanlah tempat untuk mencari pengaruh dan mengumpul harta. Umno mempunyai perjuangan yang lebih besar demi kepentingan seluruh rakyat Malaysia.

Masa depan Umno terletak kepada pemimpin dan ahli parti. Mereka tidak boleh lagi menghakis kepercayaan rakyat terhadap parti. Umno tidak melakukan kesalahan kepada rakyat dan negara. Sebaliknya, akibat tindakan segelintir pemimpin dan ahlinya, perjuangan murni Umno terjejas. Bagi yang tergelincir, mereka perlu meminta maaf kepada rakyat dan meletakkan semula

asas perjuangan pada landasan yang betul. Rakyat masih sayangkan Umno dan oleh itu sedia memaafkan mereka. Janganlah beri peluang kepada parti pembangkang menggunakan kelemahan segelintir pemimpin dan ahli Umno, untuk kepentingan parti mereka.

Dalam menghadapi pelbagai kerenah pemimpin dan ahli Umno, Dr Mahathir dan barisan kepemimpinan tertinggi parti perlu bersikap tegas. Pemimpin tertinggi parti tidak perlu lagi gusar untuk bertindak terhadap mereka yang mencemarkan nama baik parti. Golongan seperti ini tidak layak mendapat pembelaan Umno. Umno bukan saja perlu bersih tetapi mestilah sentiasa dilihat bersih daripada segala kecacatan. Rakyat Malaysia terutamanya orang Melayu menaruh harapan yang tinggi terhadap Umno. Oleh itu, Umno perlu memenuhi tuntutan rakyat walaupun terpaksa menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran. Tanpa Umno, segala yang dicipta selama ini akan musnah.

(END)